

## Kenaikan cukai kena ambil kira pendapatan rakyat



**Kerajaan perlu tumpu Dasar Gaji Progresif bagi tingkat kuasa beli pengguna**

Oleh Mohd Zaky Zainuddin

[zaky@bh.com.my](mailto:zaky@bh.com.my)

**Kerajaan** disaran menumpukan terlebih dahulu pelaksanaan Dasar Gaji Progresif dan penetapan klasifikasi baharu pendapatan isi rumah berdasarkan pendapatan boleh guna sebelum menaikkan asas cukai atau menguatkuaskan sebarang cukai baharu.

Pensyarah Sekolah Perniagaan dan Ekonomi Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Dr Anuar Shah Bali Mahomed, berkata walaupun kenaikan kadar cukai termasuk Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) sebanyak dua peratus kepada lapan peratus akan menjana hasil tambahan kepada negara, kerajaan seharusnya perlu mengambil kira situasi semasa rakyat Malaysia.

“Apabila pendapatan rakyat meningkat dan memiliki kuasa beli lebih tinggi, maka ia adalah

masa yang boleh dilaksanakan cukai tertentu untuk menambah pendapatan negara.

“Kenaikan kadar SST kepada lapan peratus contohnya menyaksikan harga hampir semua perkhidmatan akan meningkat, di mana peniaga akan mengalihkan kesan kenaikan kepada pengguna. Pasca kadar baharu SST juga akan menyaksikan sentimen pengguna bakal merosot untuk produk tertentu,” katanya kepada BH.

Anuar Shah berkata, fokus utama ketika ini adalah untuk meningkatkan pendapatan isi rumah supaya tidak terbeban dengan kenaikan kos sara hidup.

“Apabila pendapatan tinggi, rakyat boleh berbelanja,” katanya.

Pada pembentangan Belanjawan 2024 di Dewan Rakyat Oktober lalu, Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata kerajaan akan menaikkan kadar SST kepada

da lapan peratus dengan kenaikan itu tidak termasuk perkhidmatan seperti makanan dan minuman serta telekomunikasi.

### Harga barang meningkat

Sementara itu, Ketua Ekonomi dan Kewangan Sosial Bank Muamalat Malaysia, Dr Mohd Afzanizam Abdul Rashid, berkata kenaikan dua peratus SST dijangka memberi kesan kepada pengguna, dengan harga barang yang terbit juga akan meningkat.

“Kesan kepada pengguna semangnya ada kerana ia bakal menyaksikan kenaikan harga barang. Kemungkinan ada kesan kepada tabiat pengguna kerana mereka mungkin akan membuat penilaian terhadap belanjawan peribadi mereka.

“Namun, saya percaya pengguna akan menyesuaikan keadaan mereka dengan memperuntukkan belanjawan yang lebih sedikit bagi

memenuhi kehendak mereka.

“Besar atau tidak kesannya kepada pengguna bergantung kepada tahap pendapatan seseorang itu,” katanya.

Mohd Afzanizam berkata, bagi mengimbangi kenaikan SST, kerajaan sudah menaikkan bayaran pindahan seperti Sumbangan Tunai Rahmah (STR) dan Sumbangan Asas Rahmah (SARA) bagi memastikan beban kewangan bagi golongan pendapatan rendah dapat diminimumkan.

Hakikatnya, beliau berkata, sukar untuk memastikan masa yang sesuai melaksanakan sebarang bentuk reformasi ekonomi.

“Sememangnya sebarang bentuk reformasi akan ada kesan sampingan seperti kenaikan harga barang terutama apabila ia membabitkan kenaikan cukai atau pengurangan subsidi,” katanya.

Beliau berkata, reformasi ekonomi perlu dilaksanakan bagi

memperbaiki ketidakseimbangan yang berlaku terhadap pengagihan sumber kerajaan yang terhad.

“Namun untuk melaksanakan reformasi ini perlu ada strategi komunikasi yang jelas kepada rakyat mengenai hala tuju dan matlamat yang ingin dicapai melalui pelaksanaan reformasi dasar ekonomi ini.

“Di samping itu, pelaksanaan perlu beransur-ansur dan tidak mendadak, tetapi kekal konsisten bagi membina keyakinan dan kredibiliti di pihak kerajaan,” katanya.

Penganalisis ekonomi UniKL Business School, Prof Madya Dr Aimi Zulhazmi Abdul Rashid, berkata langkah kerajaan menaikkan kadar SST sebanyak dua peratus kepada lapan peratus mulai bulan depan dijangka meningkatkan hasil kutipan mencecah RM900 juta tahun ini.

Katanya, pertambahan pendapatan cukai negara itu akan membantu mengurangkan deficit fiskal kepada yang disasarkan oleh kerajaan tahun ini iaitu 4.3 peratus, lebih baik berbanding 5.0 peratus pada 2023.

“Secara umumnya, peningkatan kadar cukai perkhidmatan mungkin menyebabkan kos lebih tinggi untuk pengguna dan perniagaan,” katanya.

“Fokus utama adalah meningkatkan pendapatan isi rumah supaya tidak terbeban dengan kenaikan kos sara hidup”

**Anuar Shah Bali Mahomed,**  
Pensyarah Sekolah Perniagaan  
dan Ekonomi UPM



“Besar atau tidak kesannya kepada pengguna bergantung kepada tahap pendapatan seseorang itu”

**Mohd Afzanizam Abdul Rashid,**  
Ketua Ekonomi dan Kewangan Sosial  
Bank Muamalat Malaysia

